

53. Maklumat berikut berkaitan rumus pendapatan boleh guna (PBG).

$$\text{Jumlah Pendapatan} - X = \text{PBG} = \text{Tabungan} + Y$$

Antara yang berikut, pasangan yang manakah betul?

	Butiran	Keterangan
I	X	Menjelaskan potongan tetap bulanan kepada Lembaga Tabung Haji
II	X	Membayar sejumlah amaun tertentu kepada Pusat Zakat Selangor
III	Y	Menjelaskan premium menghadapi risiko kepada syarikat insurans
IV	Y	Membuat potongan secara berjadual setiap bulan kepada LHDN

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

54. Rajah berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan boleh guna.

$$\text{Pendapatan Boleh Guna} = \text{Perbelanjaan} + X$$

Pernyataan manakah yang berkaitan dengan X ?

- A Menerima hasil sewa rumah
- B Membeli polisi insuran nyawa
- C Menjelaskan pinjaman PTPTN
- D Membayar cukai pendapatan individu

55. Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan penggunaan individu ?

- I Membayar premium insurans nyawa
 - II Membeli mesin pengering baju
 - III Menjelaskan zakat pendapatan
 - IV Membuat caruman KWSP
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

56. Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian secara kredit.

Encik Ahmad membeli kereta bernilai RM100 000 secara kredit. Beliau telah membayar bayaran pendahuluan sebanyak 20%. Bakinya di bayar secara ansuran selama 6 tahun. Kadar faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan ialah 4% setahun.

Berapakah bayaran ansuran yang perlu dibayar untuk sebulan.

- A RM 1,377.78
 - B RM 1,583.33
 - C RM 1,516.66
 - D RM 1,722.22
57. Manakah merupakan fitur yang mempengaruhi pembelian secara kredit?
- A Tingkat harga barang yang ditentukan oleh peniaga
 - B Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank
 - C Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
 - D Beban kewangan tanggungan pengguna
58. Antara berikut yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara kredit?
- A. Pengguna akan membayar pada harga yang lebih rendah
 - B. Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
 - C. Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
 - D. Pengguna menikmati diskaun harga yang lebih banyak
59. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan membayar secara kredit?
- I Mendapat diskaun harga
 - II Menikmati harga yang murah
 - III Meringankan beban kewangan
 - IV Mempunyai perkhidmatan lepas jualan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
60. Apakah kelemahan menggunakan tunai dalam sesuatu urusan niaga?
- A Diterima secara meluas dalam urusan niaga
 - B Tidak sesuai membeli barang yang mahal seperti kereta
 - C Memperoleh diskaun tunai mengikut syarat yang ditentukan
 - D Menikmati harga yang murah kerana tidak melibatkan faedah

61. Apakah kelebihan pembayaran secara kredit dalam urus niaga?
- A Menikmati diskaun harga semasa pembelian barang
 - B Meringankan beban kewangan melalui bayaran bulanan
 - C Mendapat hak milik terus selepas selesai membuat bayaran
 - D Menggalak berbelanja secara berhemat berdasarkan baki wang
62. Apakah kelebihan pembayaran secara tunai dalam urus niaga?


- A Memudahkan pengguna berbelanja secara berhemah
- B Menggalakkan pembeli merancang sebelum berbelanja
- C Meringankan beban kewangan melalui bayaran bulanan
- D Meningkatkan taraf hidup dengan pembelian barang mahal

63. Apakah kebaikan pembelian secara kredit?

- A Meningkatkan corak perbelanjaan secara terkawal
- B Menambah beban kewangan bulanan pengguna
- C Menggalak perancangan perbelanjaan bulanan
- D Menikmati tingkat harga yang lebih murah

64. Maklumat menunjukkan sebahagian langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Mencatat semua perbelanjaan tetap, perbelanjaan harian dan perbelanjaan diluar jangka



Apakah langkah R ?

- A Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna
- B Mengenalpasti punca pendapatan dan potongan wajib
- C Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- D Menabung baki pendapatan boleh guna

65. **Gambar 2** menunjukkan salah satu bentuk pelaburan yang terdapat dalam pasaran.



Gambar 2

Padanan yang manakah betul mengenai pulangan pelaburan tersebut.


	Tahap risiko	Pulangan	Kecairan
A	Bebas Risiko	Rendah	Tinggi
B	Rendah	Tinggi	Rendah
C	Sederhana	Tinggi	Rendah
D	Tinggi	Tinggi	Rendah

66. Pernyataan manakah yang benar tentang risiko pelaburan?
- A. Unit amanah mempunyai risiko tinggi kerana risiko dikongsi antara pelabur dana yang lain
 - B. Saham mempunyai risiko yang rendah kerana bergantung kepada turun dan naik harga saham
 - C. Sekuriti kerajaan mempunyai risiko yang tinggi kerana pelaburan tidak dijamin oleh kerajaan
 - D. Simpanan tetap bawah RM250 000 di bank perdagangan adalah bebas risiko kerana dijamin oleh PIDM
67. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- I Mengelakkan inflasi
 - II Meningkatkan pendapatan
 - III Membolehkan individu membeli barang mewah
 - IV Membolehkan individu mendahulukan perbelanjaan yang penting
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

68. Apakah bentuk pelaburan yang mempunyai tahap pulangan dan tahap kecairan yang tinggi?

- A. Saham syarikat
- B. Logam berharga
- C. Unit Amanah Saham
- D. Urusniaga pertukaran asing

69. Rajah berikut berkaitan dengan pelaburan individu.



Antara berikut yang manakah betul tentang Y?

- I Tahap risiko rendah
 - II Pulangan yang tinggi
 - III Tahap kecairan yang sederhana
 - IV Pendapatan berbentuk keuntungan modal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

70. Pernyataan manakah yang betul tentang belanjawan peribadi?

- A Dapat mengawal kejatuhan harga barang
- B Membantu individu berbelanja secara berhemah
- C Menggalakkan individu untuk berbelanja sesuka hati
- D Membolehkan individu membeli barang kehendak dengan mudah

71. Apakah jenis pelaburan yang memberikan pulangan dan tahap kecairan yang tinggi?

- A Unit Amanah
- B Saham syarikat
- C Sekuriti pinjaman
- D Urus niaga pertukaran asing

72. Susun langkah yang betul bagi penyediaan belanjawan peribadi.
- I Mencatat semua jenis perbelanjaan
 - II Mengimbangi pendapatan dengan perbelanjaan
 - III Menyusun perbelanjaan berdasarkan keutamaan
 - IV Menyelaraskan pelbagai punca pendapatan yang diterima
- A III, II, I dan IV
B II, III, IV dan I
C I, IV, II dan III
D IV, I, III dan II
73. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan penyediaan belanjawan peribadi?
- I Mengutamakan barang kehendak
 - II Membantu mengatasi tekanan inflasi
 - III Membolehkan untuk menabung setiap bulan
 - IV Menyelaraskan pendapatan mengikut perbelanjaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
74. Contoh yang manakah merupakan aktiviti pelaburan dalam ekonomi?
- I Encik Ahmad membina sebuah rumah kediaman keluarganya di Batang Kali
 - II Proton Edar membesarkan ruang pameran kereta di ibu pejabat jualan Shah Alam
 - III Puan Siti menambah tempahan ubi kayu mentah untuk stok kilang kerepek di Banting
 - IV Syarikat Maju Berhad menghadiahkan 100 unit basikal kepada murid miskin di Morib
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV